

Perhimpunan 27 Mac lonjak sokongan kepada Muhyiddin

SHAH ALAM - Penyatuan gelombang reformasi untuk menyelamatkan Malaysia cetusan Datuk Zaid Ibrahim dalam perhimpunan 1,000 tokoh pada 27 Mac ini dijangka melonjakkan semula sokongan ahli Umno di peringkat akar umbi kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk menyingkirkan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Berdasarkan kaji selidik Institut Darul Ehsan (IDE) di Selangor mendapati sokongan rakyat kepada Umno-BN hanya sekitar 20 hingga 24 peratus dan Najib pula 15 peratus menunjukkan masih ramai penyokong tegar parti Melayu itu yang menolak presidennya.

Penganalisis politiknya, Prof Dr Shaharuddin Badaruddin berkata, keterlibatan Muhyiddin dalam kumpulan itu boleh mengundang tindakan pemecatan, namun saat itu juga dinantikan bekas timbalan perdana menteri itu untuk melihat gelombang pemberontakan itu melonjak dari dalam Umno.

"Dalam mana-mana kaji selidik termasuk oleh IDE sendiri mendapati populariti Najib itu jauh (ketinggalan) daripada lain-lain pimpinan Umno-BN sendiri. Penyokong tegar Umno itu tak sokong Najib. Muhyiddin harap kelompok itu (menyokongnya), sebab itu beliau teruskan (mengkritik).

"Kalau Muhyiddin hadir (perhimpunan 27 Mac) ia akan jadi alasan kepada Najib untuk memecat beliau. Selepas itu, pemecatan itu mungkin boleh menjadi salah satu dari saat gelombang yang ditunggu oleh Muhyiddin," katanya.



SHAHARUDDIN

Beliau mengulas kenyataan Muhyiddin kelmarin yang menegaskan beliau masih kekal sebagai ahli Umno dan akan terus mengkritik dan mendesak Datuk Seri Najib Tun Razak meletakkan jawatan walaupun berdepan dengan risiko dipecat dari parti.

Shaharuddin yang juga Timbalan Naib Canselor Universiti Selangor juga berkata, platform itu boleh menyuarakan gerakan reformasi institusi kerajaan oleh pelbagai pihak seperti Tun Dr Mahathir, Muhyiddin dan parti pembangkang yang selama ini dijalankan secara tidak selari.

"Tujuan utamanya sama, iaitu Najib bukan lagi merupakan liabiliti kepada Umno saja, bahkan liabiliti kepada negara. Ini merupakan percubaan baharu untuk menggabungkan kesemua gelombang itu.

"Sudah pasti penyokong Muhyiddin terutama dalam Umno masih ada, kerana ketidakpuasan hati pemimpin Umno di semua peringkat sama ada di bahagian atau cawangan masih ada lagi," katanya.

Beliau tidak menolak tindakan Muhyiddin yang di-



KOK SEONG

lihat tidak agresif dalam perjuangan menyebabkan ramai pengikutnya beralih arah.

"Risiko ditanggung Muhyiddin tidak sama risiko dipikul Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dalam politik Malaysia, kalau kamu tak bertindak agresif dulu, maka orang ambil tindakan ke atas kamu.

"Apabila pengikut tak yakin dengan pemimpin kamu, mereka akan lari kepada pihak yang boleh memberikan pernaungan kepada kamu. Penyokong tegar Muhyiddin sejak Jun tahun lalu sudah bertaut balik kepada Najib kerana di situlah dia mencari makan dan projek," katanya.

Menurut Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosiobudaya Majlis Profesor Negara, **Datuk Dr Teo Kok Seong** pula, gelombang pemberontakan kerana penggantungan jawatan Muhyiddin itu tidak sehebat penyingkiran Anwar daripada Kabinet dan Umno pada 1998.

Katanya, gelombang reformasi yang dicetus Anwar tidak dapat diwujudkan Muhyiddin dalam Umno kerana pengaruh politik masih lemah di semua peringkat Umno.